

03 APR 1997

UPM-Sejarah

UPM DIASASKAN OLEH PENTADBIR INGGERIS

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Universiti Pertanian Malaysia yang bertukar menjadi Universiti Putra Malaysia (UPM) mulai hari ini, sebenarnya diasaskan oleh seorang pentadbir Inggeris sebagai Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931.

Terletak di kawasan seluas 0.8 hektar di Serdang, ia ditubuhkan oleh Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri-negeri Selat, John Scott, pada waktu itu menawarkan dua jenis kursus diploma selama tiga tahun dan kursus sijil selama dua tahun.

Sekolah itu kemudiannya diisytiharkan sebagai Kolej Pertanian pada 23 Jun 1942.

Pada tahun 1948, terdapat cadangan meningkatkan taraf kolej itu sebagai universiti tetapi cadangan itu ditangguhkan berikutan tercetusnya darurat pada pertengahan tahun itu.

Pada 4 Oktober 1971, Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan hasil satu Perintah Perbadanan. Ia berasaskan percantuman antara Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya.

Dr Mohd Rashdan Baba (sekarang Tan Sri) telah dilantik sebagai Naib Canselor pertama universiti itu.

Universiti Pertanian Malaysia memulakan program akademiknya pada Julai 1973 dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Penternakan serta satu bahagian Sains Asas.

Universiti berkenaan mempunyai tiga kampus iaitu kampus induk di Serdang, kampus Kuala Terengganu dan kampus Bintulu di Sarawak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penukaran nama UPM selaras dengan peranannya yang lebih penting dalam penyelidikan dan pembangunan di bidang sains dan teknologi seperti teknologi maklumat dan multimedia. -- BERNAMA

RAZ HJ MAI